

## KEMAHIRAN BERLISAN GURU GEOGRAFI DALAM MELESTARIKAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI BILIK DARJAH

**GEOGRAPHY TEACHERS ORAL SKILLS TO INculcate SUSTAINABLE ENVIRONMENTAL EDUCATION IN CLASSROOMS**

Siti Halimah Md. Yassin, Ph.D

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu  
[sitihalimah@ipgkbm.edu.my](mailto:sitihalimah@ipgkbm.edu.my)

<sup>1</sup>Mohd. Nasrudin Basar, Ph.D

<sup>2</sup>Jamiah Mohamad, Ph.D

Institut Pendidikan Guru Malaysia  
<sup>1</sup>[adenbasar@gmail.com](mailto:adenbasar@gmail.com)  
<sup>2</sup>[drjamiahmohamad@gmail.com](mailto:drjamiahmohamad@gmail.com)

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meneroka kemahiran berlisan guru geografi dalam melestarikan pendidikan alam sekitar di bilik darjah. Fokus kajian kepada kemahiran berlisan guru geografi (aspek pertuturan, penerangan dan penggunaan perkataan dan frasa yang mudah) dalam melestarikan pendidikan alam sekitar. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif. Data kajian telah dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian iaitu seramai enam orang guru geografi dibuat secara persampelan bertujuan. Sebanyak tiga buah sekolah menengah di Lembah Klang terlibat. Analisis data menggunakan analisis bertema. Dapatan menunjukkan guru geografi dalam melestarikan pendidikan alam sekitar telah bertutur menggunakan perkataan dan frasa yang mudah semasa membuat penerangan, penghuraian dan penyoalan. Rumusannya dalam melestarikan pendidikan alam sekitar guru geografi didapati telah menggunakan penerangan, penghuraian dan penyoalan bagi membantu pelajar memperoleh kefahaman tentang pelestarian pendidikan alam sekitar berdasarkan penggunaan kemahiran berlisan Aras 1 sebagaimana tercatat dalam Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) iaitu berkebolehan bertutur, membuat penerangan, penghuraian dan penyoalan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah.*

*Kata kunci:* guru, metodologi, pelestarian, pendidikan dan alam sekitar

### ABSTRACT

*The study aimed to explore the oral skills of geography teachers in inculcating sustainable environmental education in the classroom. The focus of the study was on the oral skills of geography teachers (aspects of speech, explanation and use of simple words and phrases) in inculcating sustainable environmental education. The study used qualitative methods. The research data were collected through observation, interviews and document analysis. The participants of the study consisted of six geography teachers from three secondary schools, selected through purposive sampling. The data were analysed using thematic analysis. The findings showed that the participants used simple words and phrases when giving explanations, descriptions and in asking questions. Besides this, the geography teachers were also found to use explanations, elaborations and questions to help students gain an understanding of sustainable environmental education as documented in Level 1 of the Malay language framework standards, that is, the ability to speak, explain, elaborate and question using simple words, phrases and sentences.*

*Keywords:* teacher, methodology, sustainable, environmental education

## Pengenalan

Pendidikan Alam Sekitar bukan sahaja sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat bagi pembentukan masyarakat yang celik alam sekitar, berpengetahuan serta komited terhadap alam sekitar (Siti Halimah, 2017) malah menurut Global Development Research Center (GDRC) sebagai, “*...a process in which individuals gain awareness of their environment and acquire knowledge, skills, values, experiences, and also the determination, which will enable them to act – individually and collectively – to solve present and future environmental problems*” (GDRC, 2004).

Pendidikan Alam Sekitar di peringkat persekolahan juga dilihat sebagai satu cara yang baik untuk menyalurkan tingkah laku manusia ke arah kesedaran alam sekitar (Siti Halimah, 2016). Pendidikan Alam Sekitar bukan sahaja penting untuk memberi pendidikan dan kesedaran yang lebih mendalam dan lebih baik tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari malah dapat membentuk sikap keprihatinan terhadap alam sekitar. Keadaan ini dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kesedaran, sikap dan nilai terhadap alam sekitar yang mapan (Fatimah & Siti Halimah, 2012).

Elemen Pendidikan Alam Sekitar yang merangkumi alam semula jadi, isu dan masalah alam sekitar, cakerawala dan alam, ruang dan alam, interaksi alam semula jadi dan tanggungjawab manusia mengurus alam sekitar merupakan kesepaduan daripada bidang Pendidikan Tentang Alam Sekitar, Pendidikan Melalui/ Dalam Alam Sekitar dan Pendidikan Untuk Alam Sekitar iaitu elemen kandungan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum (PASMK) yang disepadukan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan tidak dapat dipisahkan (Mohd Zohair, 2009).

Bidang Pendidikan Tentang Alam Sekitar, berperanan untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang elemen Pendidikan Alam Sekitar terhadap alam sekitar. Pengetahuan tentang elemen Pendidikan Alam Sekitar dalam kajian ini seperti Tuhan Pencipta Alam Semesta dan Sekalian Makhluk; Bumi dan Alam Semesta; Benda Bukan Hidup dan Sumber Semula Jadi; Benda Hidup dan Alam Sekitarnya; Interaksi Antara Manusia, Haiwan dan Tumbuhan; dan Pengurusan Alam Sekitar; adalah amat penting diketahui dan difahami untuk disepadukan.

Manakala bidang Pendidikan Melalui/Dalam Alam Sekitar dapat menggalakkan para pelajar supaya menggunakan alam sekitar berdasarkan pengetahuan dan kefahaman yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran penyepaduan elemen Pendidikan Alam Sekitar dalam mata pelajaran bahasa melayu sebagai sumber yang utama. Proses penyepaduan elemen Pendidikan Untuk Alam Sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi KBSM boleh melibatkan pelbagai strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti; pemerhatian, kajian luar dan penyelidikan di pelbagai tempat atau lokasi; seperti zoo, tasik, pantai, hutan, kawasan rekreasi, persekitaran sekolah dan sebagainya.

Bidang Pendidikan Untuk Alam Sekitar pula menggalakkan para pelajar melihat dan memerhati masalah atau isu alam sekitar secara bersepadu dengan lebih jelas seterusnya memperoleh kesedaran dan nilai dalam melahirkan sikap bertanggungjawab, simpati serta prihatin terhadap alam sekitar. Ini boleh dialami berdasarkan pengetahuan dan kajian yang dilakukan sendiri oleh para pelajar melalui proses penyepaduan elemen Pendidikan Alam Sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi, KBSM. Di samping itu, proses penyepaduan itu sendiri bertujuan untuk memperkembangkan ilmu, kesedaran, nilai dan tindakan yang positif dengan sifat-sifat penghargaan terhadap alam semula jadi di samping mengajar kemahiran dalam kehidupan dan berekreasi dengan kegiatan luar.

Bagi mencapai matlamat ini, kesemua tiga bidang Pendidikan Alam Sekitar iaitu Pendidikan Tentang Alam Sekitar, Pendidikan Melalui/Dalam Alam Sekitar dan Pendidikan Untuk Alam Sekitar; maka guru dan kemahiran lisan memainkan peranan penting di bilik darjah supaya pengajaran dan

pembelajaran di bilik darjah Geografi lebih efektif dan berkesan. Melalui kemahiran lisan guru bukan sahaja boleh menuturkan elemen Pendidikan Alam Sekitar malah boleh menerang, menghurai dan menyayal dengan menggunakan perkataan dan frasa yang mudah dalam pengajaran dan pembelajaran supaya elemen Pendidikan Alam Sekitar yang disepadukan itu jelas dan difahami. Dalam hal ini, menurut Faridah (2015) guru-guru di bilik darjah perlu mengambil kira aspek berbahasa dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memudahkan kefahaman tentang penyepaduan elemen Pendidikan Alam Sekitar.

Hakikatnya, guru dan kemahiran berlisan yang baik, jelas dan mudah dalam bertutur, menerang dan menghurai, bukan sahaja dapat memperkasakan bahasa melayu malah menyepaduan elemen Pendidikan Alam Sekitar. Proses penyepaduan melalui kemahiran berlisan yang berkesan adalah untuk membolehkan pemahaman tentang interaksi manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam sekitar; serta bagaimana manusia mengurus alam sekitar dengan penuh bertanggungjawab demi kesejahteraan manusia sendiri. Untuk itu, peranan guru dan kemahiran lisan adalah penting dalam memacu kejayaan pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar di mana "...aspek berbahasa guru, sikap guru, pengetahuan guru dan tingkah laku guru terhadap alam sekitar dapat meneladani pelajar untuk menyayangi dan mencintai alam sekitarnya (Siti Halimah, 2016).

### **Metodologi**


Data kajian telah dikumpulkan melalui pendekatan kualitatif. Kaedah triangulasi yang merangkumi kaedah pemerhatian tidak turut serta, kaedah menemu bual dan kaedah analisis dokumen melibatkan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, temu bual guru, buku rekod mengajar guru, buku nota pelajar dan jurnal pengkaji. Pengkaji membuat triangulasi berdasarkan kepada pemerhatian pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah, menemu bual mereka sebaik selesai pemerhatian dibuat, analisis dokumen, di samping membuat kajian literatur dalam teks yang merangkumi dokumen-dokumen, jurnal-jurnal, buku-buku ilmiah di perpustakaan-perpustakaan dan jurnal-jurnal subjek kajian.

Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kajian kes didefinisikan sebagai satu kaedah penyelidikan menyeluruh yang menggunakan pelbagai sumber iaitu pemerhatian, temu bual dan dokumen analisis sebagai bukti untuk menganalisis atau menilai satu fenomena tertentu. Kajian kes secara kualitatif "...adalah suatu pendekatan holistik yang menggunakan pelbagai sumber bukti-buktii yang dianalisis atau dinilai untuk mengkaji sesuatu fenomena atau peristiwa (Rosli, 2005).

Dalam kajian ini, persoalan yang dikaji adalah bagaimakah kemahiran berlisan guru dalam melestarikan Pendidikan Alam Sekitar di bilik darjah.

Seramai enam orang guru dipilih dari tiga buah sekolah menengah di sekitar Lembah Klang. Dalam penyelidikan yang bersifat kualitatif, penentuan bilangan subjek kajian tidak menjadi persoalan yang penting (Norfadhilah, 2014). Penetapan enam orang guru sebagai subjek kajian dianggap memadai dalam sesuatu kajian kualitatif yang mementingkan soal kedalaman data yang ingin dikumpulkan. Ia bersesuaian dengan kemampuan untuk menjalankan kajian memandangkan subjek kajian dipilih dari tiga buah sekolah dengan lokasi yang berbeza.

Seperti yang dinyatakan, kajian ini menggunakan pelbagai kaedah mengumpul data iaitu pemerhatian, temu bual, analisis dokumen dan jurnal yang ditulis oleh pengkaji. Kepelbagaiannya teknik pengumpulan data adalah satu cara penting untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pemerhatian adalah teknik pengumpulan data yang utama dalam kajian ini. Maklumat yang diperoleh disahkan kebenarannya melalui temu bual, pemeriksaan dokumen dan catatan jurnal oleh subjek kajian dan pengkaji. Proses pengumpulan data pula adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1 iaitu:



Rajah 1: Carta alir proses pengumpulan data semasa melaksanakan proses kutipan dan analisis data yang diubahsuai daripada Proses Pengumpulan Data Rosli (2005).

### Dapatan dan Perbincangan

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian iaitu bagaimanakah kemahiran berlisan guru dalam melestarikan Pendidikan Alam Sekitar di bilik darjah. Data kualitatif (pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen) dianalisis secara bertema. Berikut adalah dapatan yang timbul berdasarkan tema dan kod semasa proses tematik dan koding tersebut. Berikut adalah kemahiran berlisan guru dalam melestarikan Pendidikan Alam Sekitar di bilik darjah.

**Kemahiran Berlisan Aras 1 Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM): bertutur, menerang, menghurai dan menyoal dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah dalam melestarikan elemen Pendidikan Alam Sekitar di bilik darjah**

Dapatan daripada data pemerhatian (P) menunjukkan melalui kemahiran berlisan guru iaitu **bertutur dan menyoal** menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah, berlakunya pelestarian elemen ruang dan alam dalam menyediakan kemudahan asas dan elemen isu dan masalah alam sekitar dalam aktiviti manusia terhadap alam sekitar di bilik darjah;

...bolehkah anda nyatakan contoh-contoh kemudahan asas yang ada di bandar?...kemudahan pengangkutan, kemudahan perhubungan...lagi? pusat membeli-belah...apa lagi? pelabuhan...ok... pusat rekreaksi, taman, tasik... (P/KL-S-RDA-SK2)

seterusnya... apakah kesan kemudahan ini terhadap manusia?...pencemaran, habuk... penyakit... (P/KL-S-IMA-SK1)

Dapatan pemerhatian (P) juga menunjukkan kemahiran berlisan guru yang **bertutur dan menyoal** menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah semasa aktiviti kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBF) telah dapat melestarikan elemen alam semula jadi dan elemen nilai murni alam sekitar iaitu manusia mampu mengurus dan mentadbir alam sekitar dengan bijak;

fikir sedikit...apakah yang patut kita buat bagi memastikan kemuncak gunung iaitu yang merupakan tempat tadahan air... tidak ada masalah sampah sarap?

(P/KL-S-KBF-ASJ-NMA-PK1)

Seterusnya dapatan pemerhatian (P) turut menunjukkan ketika kemahiran berlisan, guru didapati telah **bertutur dan menyоal** menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah dalam menyepaduan elemen alam semula jadi iaitu keindahan alam semesta;

Ok, sekarang ini adalah gambar foto ladang. Ini terletak di banjaran mana? Murid jawab banjaran Titiwangsa. Ok tengok ya, bagaimanakah alam sekitarnya? bagaimana? cantik? Ya, ada tak bahan-bahan pencemaran di sekitar sini? tak ada jawab murid. Ini ladang apa? Ladang teh. Siapa yang pernah pergi ke ladang teh? Tengok. Pokok-pokok teh ini ya.. banyak sekali. Ada nampak tak sampah di bahagian sini? Nampaknya tak ada. Siapa tahu ini ialah di mana? Murid menjawab... Bukit Fraser

(P/KL-S/T/H-TEK-ASJ-SK1)

Dapatan pemerhatian (P) juga menunjukkan berlaku penyepaduan elemen alam semula jadi (tumbuhan) oleh guru di bilik darjah berdasarkan kemahiran berlisan guru bertutur, menerang dan menghuraikan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah;

...dari tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar iaitu habitat hidupan...dari pihak kerajaan melalui agensi perhilitan untuk memelihara kawasan hutan seperti hutan simpan untuk memberi keselesaan kepada hidupan liar ...kebanyakan hutan simpan diteroka...membuat aktiviti pembalakan haram...untuk mengatasinya pelbagai inisiatif telah diambil bagi membanteras dalang-dalang dan kegiatan pembalakan haram...semua ini sebab ingin mengawal penebangan hutan yang berleluasa

(P/KL-T/H-ASJ-SK6)

Dapatan pemerhatian (P) juga menunjukkan semasa kemahiran berlisan guru telah membuat **penerangan dan penghuraian** menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah ketika bercerita (CER) tentang elemen alam semula jadi iaitu bumi;

Macam saya...bawa anak murid kat Bukit Fraser ikut WWF... tu bukan wrestling ya... itu World Wild Life center (Federation) ... ok...Fraser Hill terletak di banjaran tanah tinggi Titiwangsa...jadi pelik sikit...jalannya kiri kanan sangat sempit. Satu kereta boleh lalu satu lorong...bukan lorong...tapi jalan tu hanya boleh dilalui satu kereta...Kalau awak sampai ke Bukit Fraser awak akan nampak satu jadual di bawah sana... dia ada mengatakan...pukul 1.15 hingga pukul 2... kereta tak boleh turun ke bawah...masa tu banyak kereta naik. Lepas tu dia akan tutup jalan...15 minit...untuk kereta turun bawah pula. Selepas itu jalan bawah ditutup dan jalan atas pula dibuka. Kereta yang nak turun tu adalah pada pukul 2.15 hingga pukul 3...lepas tu ni ada cerita kelakar ni...Lepas 15 minit aktiviti pergi berehat kejap...dia bagi masa 3 jam tau. Semua pergi tidur letih...cikgu pun pergi tidur. Cikgu rasa cikgu pergi tidur sangat lama...Bila cikgu buka mata cikgu tengok cikgu tidur tak sampai pun setengah jam... Punyalah lama rasanya. Sebab tempat tu sangat sunyi. Awak buat apa pun awak akan rasa sangat lama. Satu hari tinggal situ pun sudah cukup le. Tapi di KL satu hari tinggal tak cukup kan...Jadi tanah tinggi ini orang yang hidup *hectic* memang susah. Awak cuba lah sekali pergi ke Fraser Hill. Itu cerita tentang tanah tinggi...

(P/KL-H/T-CER-ASJ-SK4)

Dapatan kajian daripada data pemerhatian (P) menunjukkan bagaimana elemen nilai murni alam sekitar iaitu bersyukur dan menghargai alam sekitar disepadu semasa kemahiran berlisan guru secara

**menyoal, menghurai dan menerang** dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah berpandukan gambar-gambar yang ada dalam tayangan slaid;

...sekarang lihat ini...pelajar gembira dan teruja selepas melihat gambar-gambar yang tertera pada slaid tentang keindahan pulau-pulau... baik, namakan pulau ini? ...pulau Sipadan...bagaimakah rupa airnya? ...hijau dan jernih...lagi...apakah yang kamu nampak?...banyak plankton...

(P/KL-P/F-ASJ-SK4)

Dapatkan kajian daripada data pemerhatian (P) juga menunjukkan bagaimana menyepaduan elemen alam semula jadi dibuat oleh guru melalui kemahiran berlisan iaitu dengan menerang, menghurai dan menyoal dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah ketika aktiviti tunjuk cara bagi menunjukkan proses pembentukan gunung;

Sekarang tengok....bagaimakah gunung boleh terbentuk ye...tengok alas meja ini.. (sambil kedua tangan guru menolak naik alas meja tersebut)...tengok....alas meja naik kan....(bagi menunjukkan pembentukan gunung)

(P/KL-S/H/T-ASJ-PK1)

Dapatkan kajian daripada temubual (TB) turut menunjukkan hasil kemahiran berlisan guru iaitu melalui **pertuturan, penyoalan, penerangan dan penghuraian** dengan perkataan, frasa dan ayat yang mudah di bilik darjah, membolehkan pelestarian elemen pendidikan alam sekitar iaitu alam semulajadi dan interaksi alam semulajadi;

Ya saya juga ada bercakap, memberitahu pelajar...menerangkan kepada pelajar-pelajar saya tentang iklim di negara kita ini adalah panas dan lembap sepanjang tahun... maksudnya negara ni bila-bila boleh hujan...bila-bila boleh panas...kita tak ada musim yang tertentu...ada negara tu ada musim yang tertentu... saya juga ada bagi tahu tentang contohnya... seperti yang berlaku di negara Thailand ya...dia ada musim panas dari bulan Julai sampai penghujung September atau Oktober. Ok pada bulan itu kalau awak pergi ke Thailand apakah yang awak akan dapat?... ye awak akan dapati pokok-pokok di Thailand ni botak tak ada daun dah. Ok, keadaan ini bukan ada orang kacau tapi dia gugurkan daun sebab tak nak kehilangan air melalui proses penyejatan

(TB/KL-H/T-ASJ-IAS-SK3)

Dapatkan daripada data temu bual (TB) menunjukkan dalam menyepaduan elemen pendidikan alam sekitar, guru telah bertutur dengan menggunakan perkataan dan frasa yang mudah semasa memberikan tugas kepada pelajar-pelajar;

...kalau saya ada tugas di luar sekolah, saya akan bagi tugas kepada pelajar saya... saya nyatakan kepada mereka... saya hendak awak semua menyalin nota yang saya bagi ini (iaitu nota tentang masalah-masalah yang timbul akibat kepadatan penduduk)

(TB/KL-H/T-BPD-RDA-SK2)

Dapatkan daripada temu bual (TB) juga menunjukkan bagaimana kemahiran berlisan guru dapat menyepaduan elemen alam semula jadi dan elemen nilai murni alam sekitar seperti menghargai dan menjaga air supaya tidak tercemar dengan menggunakan perkataan dan frasa yang mudah;

Contohnya sebagaimana saya katakan tadi lah, kalau kita ambil satu elemen pendidikan alam sekitar iaitu air misalnya, bagaimana kita menghargai air dan perkara ni kita boleh diterapkan persoalan bagaimana kita menjaga air supaya tidak

tercemar, bagaimana kita nak menjaga udara supaya tidak tercemar, dan bagaimana kita nak menghindarkan alam ni dari terus tercemar

(TB/KL-H/T-BDL-ASJ/NMA-PK6)

Dapatan daripada temu bual (TB) juga menunjukkan hasil kemahiran berlisan guru melalui bentuk penyepaduan dalam (Geografi) dan luar mata pelajaran (bahasa) dapat menyepadukan elemen nilai murni alam sekitar dan elemen tanggungjawab manusia mengurus alam sekitar iaitu mengurus dan mentadbir alam sekitar oleh subjek kajian di bilik darjah Geografi;

Apa kesannya kepada manusia apabila sesuatu bencana contohnya, banjir kilat berlaku seperti yang saya selitkan?

(TB/KL-T/H-BDL-NMA-SK4)

Bukti temu bual (TB) dengan peserta kajian juga menunjukkan bagaimana dengan kemahiran berlisan guru dengan menggunakan bentuk penyepaduan bahan bukan maujud dapat menyepadukan elemen pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi di bilik darjah;

Ya...ya... ia banyak membantu masa membuat huraian dan memberi penerangan. Ya, bahan bantu mengajar memang banyak membantu dalam pengajaran dan pembelajaran kerana tanpa bahan bantu mengajar seperti peta, gambar...ya kerana sesuatu yang kita sampaikan tu terlalu abstrak jadi dengan adanya bahan bantu mengajar ni...satu tanggapan yang lebih jelas tentang sesuatu konsep dapat disampaikan seperti bumi, bulan yang berputar mengelilingi matahari

(TB/KL-T/H-BBM-PET/GAM-SK6)

Bukti temu bual (TB) dengan peserta kajian turut menunjukkan bagaimana dengan kemahiran berlisan guru ketika menggunakan bentuk bahan bantu mengajar dapat menyepadukan elemen pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah;

Ya...ya.. ia banyak membantu. Ya, bbm (bahan bantu mengajar) macam alas meja yang saya guna masa nak tunjuk gunung yang naik...memang banyak membantu...tanpa bahan bantu ya kerana sesuatu yang kita sampaikan tu terlalu abstrak jadi dengan adanya bahan bantu mengajar ni, aa... satu tanggapan yang lebih jelas tentang sesuatu konsep dapat disampaikan.

(TB/BPM-ALS-ASJ-PK1)

Dapatan dari temu bual (TB) juga menunjukkan dengan kemahiran berlisan guru melalui penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran aktif (BLA), soal jawab (SJW), sumbang saran (SUM) dan memberi cadangan dapat menyepadukan elemen tanggungjawab mengurus alam sekitar dan elemen nilai murni alam sekitar iaitu masalah alam sekitar di bilik darjah;

...saya rasa puas sebab dalam pengajaran dan pembelajaran saya hari ni pelajar saya aktif mengambil bahagian. Mereka...boleh jawab soalan saya...boleh bagi sumbang saran bagi cadangan tentang kejadian banjir kilat dan sebab kita tidak menjaga alam sekitar

(TB/KL-T/H-BPK-BLA/SJW/SUM-SK4)

Dapatan temu bual (TB) juga menunjukkan, melalui teknik berfikir kreatif dan kritis dalam kemahiran berlisan guru membolehkan elemen alam semula jadi dan elemen nilai murni alam sekitar disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi di bilik darjah;

...memusnahkan hutan...apakah agaknya kesan dan akibat dari tidak menjaga alam sekitar

(TB/KL-T/H-BPT-KBF-ASJ/NMA-SK5)

Melalui data temu bual (TB) dapat diketahui bahawa kemahiran berlisan guru dalam menggunakan teknik mencari maklumat (MAK) daripada buku dapat menyepadukan kemahiran belajar. Dalam hal ini penyepaduan elemen isu dan masalah alam sekitar dengan cakerawala dan alam dapat disepadukan di bilik darjah;

Selalunya...saya akan suruh pelajar tu cari sendirilah daripada buku contohnya, tentang kawasan gempa bumi, gambar pergerakan bumi...

(TB/KL-T/H-BPT-MAK-CKA-IMA-SK2)

Temu bual (TB) dengan peserta kajian menunjukkan dengan kemahiran berlisan guru kesedaran dalam amalan hidup sehari-hari tentang maklumat elemen pendidikan alam sekitar yang dinyatakan dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi di bilik darjah dapat disepadukan;

...jadi perkara-perkara ini memang saling berkaitan dan secara langsung dalam kehidupan mereka sehari-hari. Sebagai contohnya, saya tegur dan sebut kelas mereka selalu kotor, lepas tu mereka bersihkan

(TB/KL-T/H-DTA-MKL-SK6)

Dapatkan daripada dokumen pengkaji (DP) menunjukkan dalam kemahiran berlisan guru telah menggunakan perkataan frasa dan ayat yang mudah dalam membuat penerangan dan hurai secara terarah, berstruktur dan sistematik tentang elemen Pendidikan Alam Sekitar yang disepadukan dengan membuat permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan rumusan;

(Permulaan Pengajaran) Guru memulakan pengajarannya dengan menunjuk slaid 1 iaitu gambar Awana Kijal. Kemudian guru menunjukkan dalam slaid tersebut sambil berkata.. perhatikan yang warna hijau ni.. Apa ni?, hutan.. yang terdapat di kawasan yang lebih tinggi dan menganjur ke laut?.. Murid menjawab tanjung, guru mengiakan lalu mengatakan ya...tanjung, ok ok tanjung dan dekatnya?... teluk.. ya.  
 (Perkembangan pengajaran) Seterusnya boleh lihat air di sekitarnya.. cetek. Ini pula.. tebing tinggi dan ini.. pulau.. ya. kemudian guru menunjukkan pantai yang terdapat dalam gambar slaid tersebut sambil mengatakan ini adalah antara pantai yang tercantik di Terengganu (rumusan)

(DP/KL-H/T-TBS-ASJ-SK5)

Dapatkan daripada dokumen pengkaji (DP) juga menunjukkan dalam berkemahiran lisan juga peserta kajian didapati telah memberi penerangan dan hurai dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah ketika menyatakan aktiviti pengayaan (KAY) yang bakal dijalankan bagi menyepadukan elemen alam semula jadi dan elemen isu dan masalah alam sekitar;

Balik nanti awak semua warna peta ini. Baca surat khabar, kemudian cari macam mana nak pelihara gunung-ganang kita ini dari dicemari...


(DP/KL-T/H-KAY-ASJ-IMA-SK1)

Bentuk penyepaduan secara tahu, dengar dan amal merupakan bentuk penyepaduan berdasarkan maklumat (MKL) yang diketahui, didengar seterusnya diamalkan berkaitan penjagaan alam sekitar. Dapatkan kajian daripada dokumen pengkaji (DP) menunjukkan akibat rentetan kemahiran berlisan guru yang bertutur, menerang, menghuraikan dan menyatakan dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang mudah dalam menyepadukan elemen sumber alam dan nilai murni alam sekitar, membolehkan keperluan menjaga alam sekitar dan kesan jika tidak menjaga alam sekitar dilestarikan di bilik darjah;

Sampah yang bersepah boleh memberi banyak masalah kepada alam sekitar..Sampah yang bersepah bukan sahaja kotor... boleh sebabkan penyakit...awak hidu udara kotor dari sampah tersebut... kalau ada serangga.... seperti lalat...macam mana...(tahu dan dengar) sekarang tengok bawah kerusi awak tu ada tak sampah-sampah... ada tak?.. Ada...Ha, kalau ada kutip, buang dalam tong sampah sekarang (buat)

(DP/KL-H/T/S-MKL-NMA-SK6)

Dapatan kajian dari dokumen pelajar (DB) iaitu buku nota pelajar juga menunjukkan guru dan kemahiran lisan hasil penuturan perkataan dan frasa yang mudah membolehkan elemen ruang dan alam serta elemen isu dan masalah alam sekitar disepadukan dan hasilnya terjelma dalam penulisan nota pelajar;



(DB/KL-T/H-BPD-RDA-SK2)

Secara rumusannya, guru dan kemahiran berlisan iaitu bertutur, menerang, menghurai dan menyata dengan perkataan, frasa dan ayat yang mudah dapat melestarikan elemen pendidikan alam sekitar di bilik darjah.

## Rumusan

Secara keseluruhan, kemahiran berlisan guru geografi dalam melestarikan pendidikan alam sekitar di bilik darjah telah mencapai objektif kurikulum pendidikan alam sekitar yang yang dihasratkan. Dapatan kajian ini juga didapati seiring dengan hasrat KSBM dalam memperkasakan Bahasa Melayu merentas semua mata pelajaran di mana dengan kemahiran berlisan guru yang baik, jelas, betul dan berkesan, dari segi pertuturan, penghuraian, membuat penerangan dan penyata dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang jelas dapat melestarikan elemen pendidikan alam sekitar. Guru dan kemahiran berlisan yang baik, jelas dan mudah dalam bertutur, menerang dan menghurai, bukan sahaja dapat memperkasakan bahasa melayu malah menyepadukan elemen Pendidikan Alam Sekitar.

Kertas ini telah dibentangkan dalam *International Conference on Teacher Learning and Development* yang dianjurkan bersama oleh IPGM dan IPGKBA pada 14 hingga 16 Ogos 2018 di Hotel Royale Chulan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

*This paper was presented at the International Conference on Teacher Learning and Development jointly organised by IPGM and IPGKBA on 14 to 16 August 2018 at the Hotel Royale Chulan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.*

## Rujukan

- Faridah Darus. (2015). Transformasi kurikulum KSSR. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 4, 35-41.
- Fatimah Mohd. Dahlan & Siti Halimah Md. Yassin (2012). *Penyepadan elemen pendidikan alam sekitar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kertas dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam pada 3-6 Julai 2012 di Seremban, Negeri Sembilan.
- Global Development Research Center. (2004). *Defining environmental education*. Diperoleh daripada <http://www.gdrc.org/uem/ee/1-1>.
- Mohammad Zohir Ahamad. (2009). *Penerapan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran Geografi di sekolah menengah: Pengetahuan, sikap, efikasi dan amalan guru*. Tesis kedoktoran tidak bercetak, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Norfadhilah Nasruddin. (2014). *Penilaian pencapaian objektif program pembudayaan keusahawanan (PPK) di politeknik Malaysia*. Tesis kedoktoran tidak bercetak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Rosli Yaakub. (2005). *Proses sosialisasi guru baru: Kajian kes di dua buah sekolah rendah*. Tesis kedoktoran tidak bercetak, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Halimah Md. Yassin. (2016). *Penyepadan elemen pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi KBSM*. Tesis kedoktoran tidak bercetak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Siti Halimah Md. Yassin (2017). *Amalan guru dalam menyepadan elemen pendidikan alam sekitar di bilik darjah KBSM*. Kertas Pembentangan Kolokium Pendidikan Kebangsaan 2017 (KOLOPEN) di IPG KPM Melaka September 2017.